

Kampus Sekolah Pertanian Lestari (SPL-UMS) Gah Bertapak Di Sandakan

Tanggal 23 Februari 2009 merupakan hari bersejarah bagi Sekolah Pertanian Lestari, Universiti Malaysia Sabah kerana majlis pecah tanah dan pelancaran Kampus SPL-UMS akan dilaksanakan. SPL-UMS secara rasminya akan bertapak di kawasan Hab Pendidikan, Batu 10, Sg. Batang, Sandakan dan bangunan dijangka siap dibina pada tahun 2010. SPL-UMS bakal menjadi kebanggaan rakyat Sabah dan Malaysia secara amnya kerana kampus ini bakal memberi suntikan ilmu pertanian menggunakan teknologi terkini selaras dengan hasrat kerajaan untuk memantapkan industri pertanian negara.

